



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) 1980

DR.29/1980

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang
Pembangunan 1966.

[28hb Mac 1969.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan
Persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang
bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-
nya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulanwang
Pembangunan (Pindaan) 1980 dan hendaklah disifatkan
telah mula berkuatkuasa pada 28hb Mac 1969.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. (1) Seksyen 9 Akta Kumpulanwang Pembangunan
1966 adalah dipinda dengan memasukkan selepas per-
kataan "Minister" dalam perenggan (b) seksyen-kecil
(2) perkataan-perkataan—

Pindaan
bagi
seksyen 9.
Akta 70/66.

“but such expression shall not in any case
include the purposes of water supplies in a
State where a fund for those purposes has
been specified by the Legislative Assembly of
that State pursuant to section 10 (4) (b) of the
Act 61. Financial Procedure Act 1957”.

(2) Sebutan dalam pindaan yang dikemukakan oleh
seksyen-kecil (1) kepada seksyen 10 (4) (b) Akta Tata-
cara Kewangan 1957 hendaklah, sepanjang tempoh dari

Ord. 62/57.

28hb Mac 1969 hingga 29hb Februari 1972, termasuk kedua-dua tarikh itu, disifatkan sebagai sebutan kepada seksyen 26 (4) Ordinan Tatacara Kewangan 1957.

Pindaan
bagi
Jadual
Pertama.

3. Jadual Pertama kepada Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 adalah dipinda dengan memotong proviso kepada perenggan-kecil (j) perenggan 1.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 untuk memperuntukkan bahawa jika sesuatu Negeri menubuhkan suatu kumpulanwang berasingan bagi maksud-maksud bekalan air dalam Negeri itu menurut seksyen 10 (4) (b) Akta Tatacara Kewangan 1957, maka peruntukan-peruntukan Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 yang terpakai kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri itu tidaklah terpakai bagi kumpulanwang berasingan itu [fasal 2 (1)].

Fasal 1 bertujuan supaya pindaan kepada Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 itu dikuatkuasakan kebelakangan mulai dari 28hb Mac 1969.

Fasal 2 (2) membuat peruntukan supaya Akta Tatacara Kewangan 1957 disebut Ordinan Tatacara Kewangan 1957 sepanjang tempoh yang ditetapkan dalamnya. Ini adalah perlu kerana penyemakan Ordinan Tatacara Kewangan 1957 sebagai Akta Tatacara Kewangan 1957 hanya dikuatkuasakan mulai dari 1hb Mac 1972.

Fasal 3 bertujuan meminda Jadual Pertama kepada Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dengan memotong proviso kepada perenggan-kecil (j) perenggan 1 oleh kerana peruntukan ini adalah dimasukkan ke dalam, dan bertujuan dipakai bagi seksyen 9 Akta tersebut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1044.]